

KHIDMAT NASIHAT KEKELUARGAAN ISLAM

1. Apakah peranan Jabatan Agama Islam Negeri Johor dalam meningkatkan kualiti kekeluargaan Islam di negeri Johor ?

Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui Bahagian Pembangunan Keluarga berperanan melaksanakan sesi khidmat nasihat kepada individu dan pasangan Islam dalam meningkatkan kesejahteraan dan keharmonian institusi kekeluargaan di negeri Johor.

2. Apakah yang dimaksudkan dengan sesi khidmat nasihat ?

Sesi khidmat nasihat bermaksud satu perkhidmatan menolong dalam pertemuan yang melibatkan perhubungan dua hala di antara pegawai khidmat nasihat dengan individu atau pasangan yang memerlukan bimbingan dan jalan penyelesaian bagi menangani masalah yang dihadapi.

3. Siapakah yang perlu mendapatkan sesi khidmat nasihat ?

Mereka yang perlu mendapatkan khidmat nasihat sebagaimana berikut :

Individu atau pasangan yang ;

- a) Mengalami stress atau tekanan akibat konflik
- b) Memerlukan bimbingan dan nasihat serta pengukuhan emosi
- c) Ingin memahami peraturan dan prosedur
- d) Ingin berkongsi masalah

4. Bagaimana pelanggan boleh mendapatkan sesi khidmat nasihat ?

Pelanggan boleh mendapatkan perkhidmatan sesi khidmat nasihat yang disediakan melalui kaedah berikut :

- a) Pelanggan boleh mengemukakan aduan kepada Kaunter Unit Pembangunan Keluarga di setiap Pejabat Kadi daerah dengan bayaran RM 10.00.
- b) Pelanggan boleh hadir sendiri atau bersama pasangan.
- c) Sesi akan dijalankan sekiranya pegawai tidak mempunyai temujanji lain.
- d) Sekiranya pegawai mempunyai temujanji lain, maka pelanggan akan dipanggil bagi sesi khidmat nasihat dalam tempoh 14 hari bekerja atau 30 hari bekerja bagi kes yang berulang.